



PEKELILING AKADEMIK BIL. 14/2016


Semua Pelajar Prasiswazah dan Siswazah

Saudara/i,

**PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER I SESI AKADEMIK 2016-2017 DAN
PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER II SESI AKADEMIK 2015-2016**

Merujuk perkara di atas, sukacita sekiranya pelajar membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Pra siswazah	Pasca siswazah
1.	Pelajar hendaklah menggunakan Pengenalan dan Katalaluan (NPP) masing-masing bagi mencapai dan menggunakan laman web http://www.ukm.my/smpweb . Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing untuk mengelakkan dari disalahgunakan oleh pengguna lain.	✓	✓
2.	Semua pelajar adalah disyaratkan: <p>i. Membuat penilaian pengajaran kursus</p> <p>Pelajar disyaratkan membuat penilaian pengajaran kursus yang diambil pada semester semasa melalui laman web https://smp.ukm.my/sppk. Penilaian ini bermula dari 9 Mei – 1 Julai 2016. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Cik Hafizah Sa'don <fiza@ukm.edu.my>, Pusat Jaminan Kualiti;</p> <p>ii. Menjelaskan bayaran semua yuran/hutang tertunggak</p> <p>Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran yuran/hutang tertunggak, sila berhubung terus dengan Puan Nadia Mohd Ali <nadia@ukm.edu.my>, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar (BPKP);</p>	✓	✓
3.	Pendaftaran Awal Kursus Semester I Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan pada 16 Mei 2016 - 12 Jun 2016 (4 minggu) melalui http://www.ukm.my/smpweb ;	✓	-



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471


E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>

Bil.	Aktiviti	Pra siswazah	Pasca siswazah
4.	Pendaftaran Awal adalah diwajibkan kepada semua pelajar Ijazah Pertama KECUALI pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian. Bayaran PTPTN akan ditahan dan denda sebanyak RM50.00 akan dikenakan jika pelajar gagal membuat Pendaftaran Awal pada tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang tidak membuat Pendaftaran Awal hanya dibenarkan membuat Pendaftaran Kursus Semester I Sesi Akademik 2016-2017 iaitu pada 5 September 2016 ;	✓	-
5.	Proses Pemilihan (13 – 19 Jun 2016) tertakluk kepada fakulti masing-masing untuk menentukan pelajar yang layak mengikut sesuatu kursus berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan;	✓	-
6.	Semakan keputusan pemilihan Pendaftaran Awal kursus boleh dilakukan mulai 20 – 26 Jun 2016 .	✓	-
7.	Perlu diingatkan bahawa pendaftaran sebenar kursus Semester I Sesi Akademik 2016-2017 adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan semester sebelumnya dan keperluan prasyarat semester berikutnya.	✓	✓

Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.my atau akad@ukm.edu.my atau datang sendiri ke kaunter Pusat Pengurusan Akademik/Fakulti untuk tindakan selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KIFTIAH ABDUL RAZAK
 Timbalan Pengarah (AKADEMIK)
 b.p. Timbalan Naib Canselor
 Hal- ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k:
- Naib Canselor
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran
 - Bendahari Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar
 - Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 Telefon: +603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili: +603-8911 8471
 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>



- Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
- Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti), Pusat Jaminan Kualiti
- Ketua Pustakawan
- Pengetua Kolej
- Pengurus/Eksekutif Kanan/Eksekutif
- Presiden PMUKM
- Papan-papan notis pelajar



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili: +603-8911 8471

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>